



15 Januari 2024
15 January 2024
P.U. (A) 7

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERATURAN-PERATURAN SARAAN HAKIM
(PINDAAN JADUAL KEDUA) 2024

*JUDGES' REMUNERATION (AMENDMENT OF
SECOND SCHEDULE) REGULATIONS 2024*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA SARAAN HAKIM 1971

PERATURAN-PERATURAN SARAAN HAKIM (PINDAAN JADUAL KEDUA) 2024

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 19 Akta Saraan Hakim 1971 [*Akta 45*], Yang di-Pertuan Agong, selepas berunding dengan Ketua Hakim Negara, membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Saraan Hakim (Pindaan Jadual Kedua) 2024**.

(2) Perenggan 2(*a*) mula berkuat kuasa pada 16 Januari 2024.

(3) Perenggan 2(*b*) disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Julai 2015.

(4) Perenggan 2(*c*) disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2023.

Pindaan Jadual Kedua

2. Jadual Kedua kepada Akta Saraan Hakim 1971 dipinda—

(*a*) dalam perenggan 6—

(i) dengan memasukkan selepas subperenggan (*c*) subperenggan yang berikut:

“(*d*) Bagi maksud perenggan ini, suatu perjanjian kerja hendaklah dibuat antara seseorang Hakim dengan seseorang drebar.”;

(ii) dengan memasukkan selepas perkataan “perbelanjaan dalam perenggan ini” perkataan “atau sebahagian daripadanya”; dan

- (iii) dengan memasukkan selepas perkataan “Hakim yang mengambil kerja seorang drebar.” perkataan “, atau dalam hal keadaan jika suatu permohonan dibuat oleh Hakim, dibayar terus kepada drebar:

Dengan syarat bahawa, Kerajaan hendaklah tidak bertanggung atas apa-apa isu atau tanggungjawab yang berbangkit antara Hakim dengan drebar itu, jika ada.”;

- (b) dalam subsubperenggan 12(e)(iii), dengan menggantikan perkataan “Dalam subsubperenggan ini, “ahli keluarga terdekat” ertinya suami atau isteri, anak-anak serta ibu dan bapa kandung kepada hakim itu.” dengan perkataan “Dalam subsubperenggan ini, “ahli keluarga terdekat” ertinya suami atau isteri, ibu kandung atau ibu angkat, bapa kandung atau bapa angkat, ibu mentua, bapa mentua, anak kandung, anak angkat yang sah di sisi undang-undang, anak angkat *de facto*, anak pelihara, adik-beradik, nenek dan datuk Hakim itu.”; dan
- (c) dalam perenggan 12A, dengan menggantikan perkataan “seratus enam puluh” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “seratus lapan puluh”.

Dibuat 5 Januari 2024
[PKPMP.BD(R).600-1/3/29; PN(PU2)91/V]

Dengan Titah Perintah

ANWAR BIN IBRAHIM
Perdana Menteri

JUDGES' REMUNERATION ACT 1971

JUDGES' REMUNERATION (AMENDMENT OF SECOND SCHEDULE)
REGULATIONS 2024

IN exercise of the powers conferred by section 19 of the Judges' Remuneration Act 1971 [Act 45], the Yang di-Pertuan Agong, after consultation with the Chief Justice, makes the following regulations:

Citation and commencement

1. (1) These regulations may be cited as the **Judges' Remuneration (Amendment of Second Schedule) Regulations 2024**.

(2) Paragraph 2(a) comes into operation on 16 January 2024.

(3) Paragraph 2(b) is deemed to have come into operation on 1 July 2015.

(4) Paragraph 2(c) is deemed to have come into operation on 1 January 2023.

Amendment of Second Schedule

2. The Second Schedule to the Judges' Remuneration Act 1971 is amended—

(a) in paragraph 6—

(i) by inserting after subparagraph (c) the following subparagraph:

“(d) For the purposes of this paragraph, an employment agreement shall be entered between a Judge and a syce.”;

(ii) by inserting after the words “expenses in this paragraph” the words “or any part thereof”; and

- (iii) by inserting after the words “Judge employing a syce.” the words “, or in a case where an application has been made by a Judge, be paid directly to the syce:

Provided that, the Government shall not be responsible on any issues or liability arises between the Judge and the syce, if any.”;

- (b) in subsubparagraph 12(e)(iii), by substituting for the words “In this subsubparagraph, “immediate family member” means a spouse, children and natural parents of the Judge.” the words “In this subsubparagraph, “immediate family member” means a spouse, natural mother or foster mother, natural father or foster father, mother in law, father in law, natural children, legally adopted children, *de facto* adopted children, foster children, siblings, grandmother and grandfather of the Judge.”; and
- (c) in paragraph 12A, by substituting for the words “one hundred and sixty” wherever appearing the words “one hundred and eighty”.

Made 5 January 2024
[PKPMP.BD(R).600-1/3/29; PN(PU2)91/V]

By Command

ANWAR BIN IBRAHIM
Prime Minister